



# MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

KERTAS KERJA  
**JIHAD EKONOMI  
MEMPERKASA UMAT**

DISEDIAKAN OLEH:  
Y.BHG. TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI BIN HASHIM

TARIKH:  
7 FEBRUARI 2017 (SELASA)

TEMPAT:  
AMANJAYA CONVENTION CENTRE  
CASUARINA @ MERU, BANDAR MERU RAYA  
IPOH, PERAK.

**MUZAKARAH ANJURAN JABATAN MUFTI PERAK  
5-7<sup>HB</sup>Februari, 2017**

**RINGKASAN PEMBENTANGAN POWERPOINT  
OLEH YBHG TAN SRI MUHAMMAD ALI HASHIM  
PENGERUSI, AWQAF HOLDINGS BERHAD  
PRESIDEN, DEWAN PERDAGANGAN ISLAM MALAYSIA**

**“ JIHAD EKONOMI MEMPERKASA UMAT ”**

**Kedudukan ekonomi bangsa Melayu di Malaysia khasnya dan umat Islam di seluruh dunia amnya, kelihatan semakin TENAT!. Mereka ketinggalan jauh, dan majoriti bergantung hidup sama ada kepada kerajaan atau kepada kuasa besar lain, menjadikan mereka rata-rata tidak bebas sepenuhnya dan tidak berdikari.**

Bukan sahaja pendapatan purata bangsa Melayu dan umat melampau rendah berbanding warga Malaysia dan umat lain yang lebih maju. Paling mengancam masa depan ialah hakikat bahawa pegangan hak milik aset dan harta semakin mengecil dan terhakis apabila bahagian terbesar dimiliki oleh warga bukan Muslim, termasuk warga swasta dan badan korporat asing. Tambahan pula jurang kaya-miskin dalam masyarakat Malaysia dan negara-negara Islam semakin melebar dan golongan yang kaya semakin mudah menjadi bertambah kaya membolot semua, akibat daripada kerakusan dan ketidakadilan sistem kapitalis liberal yang diamalkan hari ini di seluruh dunia.

Semua kelemahan ini bukan sahaja menyebabkan ekonomi bangsa dan umat terancam. Yang lebih membimbangkan, jurang ekonomi boleh membawa kepada konflik. Kuasa politik bangsa dan tahap sosio-budaya, agama dan nilai hidup yang

mendefinisikan identiti dan jatidiri bangsa, juga semakin mudah terjejas dan terhakis.

Situasi ini ditambah-burukkan lagi oleh keadaan politik Melayu dan umat Islam yang kelihatan semakin bercelaru dan berpecah-belah kebelakangan ini, setelah pemimpin politik gagal dalam usaha mengekalkan kebulatan perpaduan bangsa dan umat. Keadaan menjadi bertambah tenat kerana terdapat tanda-tanda bangsa Melayu dan umat Islam akan kehilangan kedudukan majoriti politik, iaitu faktor terpenting dalam mempertahan kuasa politik warga majoriti di bawah sistem demokrasi berparlimen.

Bahayanya, segala kelemahan ini mengakibatkan mereka mudah dijajah semula oleh bangsa-negara lain di dunia. Ia juga mengakibatkan nilai hidup dan budaya serta pegangan agama mereka di pandang rendah. Rata-rata hari ini Islam dilihat negatif dan tidak lagi sebagai agama yang berupaya mencorakkan tamadun relevan untuk mengatasi segala kemungkaran dan kerosakan yang berlaku dalam kehidupan manusia di abad ke 21. Justeru, keupayaan tinggi Islam sebagai agama agung pembentuk tamadun manusia menjadikannya lebih sempurna dan bermakna wajib dipupuk semula bermula dengan memperkasa ekonomi umat.

Ringkasnya, tanpa pembaharuan dan perubahan, umat Islam pasti akan kehilangan darjah "khaira ummah", iaitu "umat terbaik" seperti dianjurkan oleh agama mereka. Tanpa pembasmian semua kelemahan yang ada, pada akhirnya umat Islam akan langsung kehilangan potensi dan daya untuk mengembalikan darjah dan taraf umat "khalifah", iaitu golongan yang ditugaskan dengan amanah untuk memakmurkan kehidupan di muka bumi

dan memanjangkan rahmat kepada semua makhluk mengikut acuan dan ajaran Islam.

Dalam situasi ekonomi mereka yang "TENAT", bangsa Melayu dan umat Islam tidak mempunyai pilihan selain menggubal dan melaksanakan strategi ekonomi "DARURAT". Ekonomi dunia semakin tidak menentu dan tidak stabil. Apapun, jelas sekali negara-bangsa yang lebih dominan dan berkuasa ialah yang tinggi tahap pencapaian ekonominya dan berjaya memperkasa politiknya.

Di bawah sistem ekonomi global yang di pacu oleh bisnes atau *business-driven* hari ini, umat Islam tiada pilihan selain melaksanakan STRATEGI DARURAT dengan membudayakan perniagaan dan menguasai bisnes, menjadikannya "sembilan per sepuluh sumber rezeki". Mereka wajib segera menyusun strategi ampuh memperkayakan anggota masyarakat, memakmurkan ekonomi bangsa dan negara, sehingga khirnya berjaya memperkasa semula kedudukan politik umat di persada dunia.

Justeru, pembentangan kertas ini fokus kepada anjuran supaya umat Islam, khasnya generasi muda Malaysia, menyempurnakan tuntutan menjayakan sunnah bernesiga dan berbisnes; namun bukan semata-mata bertujuan menjadi kaya menimbunkan harta, malahan lebih penting, menerusi kaedah yang menjadikan bisnes perjuangan bertaraf sebagai satu "Jihad fi sabillah". Antara lain, matlamat utama "Jihad Bisnes" ialah menjayakan semuanya dengan niat memperkasa ekonomi umat bertujuan pada akhirnya menegakkan kalimah Allah dan mengintegrasikan ciri-ciri *Rabbaniyyah* ke dalam kehidupan berekonomi dan bermuamalah.

**Sebagai strategi utama, pembentangan ini turut menganjurkan supaya bangsa Melayu dan umat Islam bangunkan semula institusi wakaf dalam bentuk baharu sesuai untuk menguasai bisnes dan korporat, sekaligus mempertahankan hakmilik supaya kekal berpanjangan. Kaedah yang dianjurkan ialah menerusi penubuhan institusi wakaf khas berdasarkan "Waqaf Korporat"®, iaitu dengan menggabungkan kedua-dua kelebihan hebat yang terdapat pada institusi wakaf dan ciri dinamis yang ada pada organisasi korporat.**

Konsep institusi Waqaf Korporat® bukan satu teori atau slogan kosong. Pembentangan ini mengenengahkan dua model Waqaf Korporat® berjaya yang telah pun dilancarkan di Malaysia seperti berikut:-

- 1. Pengalaman menujuwaan Waqaf An-Nur Corporation Bhd yang dibangunkan oleh Johor Corporation, yang memiliki aset wakafnya pada akhir 2015 bernilai melebihi RM780 juta.**
  
- 2. Penubuhan Awqaf Holdings Bhd yang dibangunkan oleh Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM). Awqaf Holdings Bhd sedang dalam proses membangunkan projek Persada Awqaf di Putrajaya dengan nilai (GDV) melebihi RM370 juta.**

Matlamat jangka panjang Awqaf Holdings ialah menjadi model supaya satu critical mass institusi Waqaf Korporat® dapat dibangunkan untuk menghimpun aset hartaanah wakaf bernilai tinggi, khasnya di bandar-bandar utama. Aspirasi

akhirnya ialah untuk mengseimbangkan milik harta supaya, In Sya Allah, bangsa Melayu dan umat Islam dapat mempertahankan hakmilik hartaanah bernilai tinggi supaya kebal dan kekal berpanjangan untuk manfaat generasi depan.

**Perjuangan Jihad Bisnes didampingi institusi Waqaf Korporat® adalah satu gabungan strategi yang berupaya mentransformasikan sistem ekonomi menjadikannya lebih adil dan saksama. Aspirasi muktamadnya ialah membangun satu landasan ekonomi alternatif yang tidak hanya membiarkan pembolotan harta kekayaan oleh golongan satu peratus yang kaya daripada terus berleluasa. Gabungan strategi Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat® berpotensi menegakkan keadilan, sekaligus membela nasib golongan 90 peratus warga bawahan yang lemah dan daif daripada terus dipinggir, ditekan dan dizalimi tanpa pembelaan dan keperihatinan.**

\*\*\*\*\*

**Kuala Lumpur,  
17 Januari, 2017.**

# *Batatan*

## *Catatan*

## Biodata

### Tan Sri Muhammad Ali Hashim



**Tan Sri Muhammad Ali Hashim**  
**Presiden,**  
**Dewan Perdagangan Islam**  
**Malaysia (DPIM).**  
**Pengerusi,**  
**Awqaf Holdings Bhd (Syarikat**  
**jaminan DPIM).**

Tan Sri Muhammad Ali, 69 tahun, adalah mantan **Presiden dan Ketua Eksekutif/CEO Johor Corporation (JCorp)** selama lebih 28 tahun (Januari 1982 - Julai 2010). Di bawah pimpinan beliau Kumpulan JCorp berjaya dibina hingga menjadi antara organisasi korporat terkenal Malaysia, melibatkan lebih 280 syarikat (8 tersenarai di Bursa Malaysia, 1 di London Stock Exchange, akhir 2010), dan lebih 65,000 warga kerja.

Antara syarikat utama JCorp di bawah kepimpinan Tan Sri Muhammad Ali termasuk KFC Holdings Malaysia Bhd (pemilik rangkaian lebih 900 restoran KFC di Malaysia, Singapura, Brunei, Cambodia dan Mumbai, India); KPJ Healthcare Bhd dan Kulim Malaysia Bhd. Kulim pernah memiliki syarikat perladangan terbesar di Papua New Guinea dan Solomon Islands yang juga tersenarai di pasaran saham London.

Nilai modal pasaran saham (*market capitalization*) saham-saham tersenarai milik JCorp pada akhir 2010 mencapai RM18 bilion.

Tan Sri Muhammad Ali juga adalah **Pengasas Waqaf An Nur Corporation Bhd, (WANCorp), iaitu institusi Waqaf Korporat pertama ditubuhkan di Malaysia.** Aset WANCorp ketika diwakaf pada akhir 2007, terutama saham-saham PLC diwakafkan, bernilai sekitar RM250 juta. Nilai Aset WANCorp pada akhir 2012 telah meningkat lebih dua kali ganda kepada RM575.9 juta, dan pada akhir 2015, saham tersebut telah meningkat lebih tiga kali ganda kepada RM786 juta yang mana ia telah berjaya membuktikan kewibawaan konsep Waqaf Korporat.

Tan Sri Muhammad Ali Hashim telah menulis empat buah buku:-

1. 2015 - "Strategi Jihad Bisnes". (Mendapat Anugerah Buku Negara 2015 daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara).
2. 2011 - "Khalifah Ganti Superman". (Mendapat Anugerah Buku Negara 2012 daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara).
3. 2003 - "Bisnes Satu Cabang Jihad - Pembudayaan Bisnes untuk Survival", dan
4. 1995 - "Membujur Lalu... 'Satu Pengalaman Orang Melayu Dalam Pengurusan".

Beliau juga seorang kolumnis menerusi kolumn "IKIM Views" di akbar "The Star".

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1969 dan menyertai Program Eksekutif Kanan di Universiti Stanford, Amerika Syarikat pada tahun 1985. Tan Sri juga dianugerahkan Ijazah-ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang keusahawanan, bisnes dan pengurusan daripada 9 universiti di Malaysia.

Tan Sri Muhammad Ali terkenal dengan kegigihannya mengintegrasikan nilai dan prinsip Islam ke dalam bisnes dan telah memperkenalkan beberapa konsep yang membawa impak besar. Antara lain, konsep "*Jihad Bisnes*", "*Intrapreneur*" atau "*entrepreneur Amanah*" dan institusi "*Waqaf Korporat*". Ketiga-tiga konsep pembaharuan korporat ini mendapat perhatian masyarakat Malaysia dan diperakuan Universiti Oxford dalam satu kajian pada 2010.

Pada 2014, beliau dilantik sebagai penyandang Kursi Sheikh Abdullah Fahim di Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan telah juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 2016.

Atas sumbangan beliau kepada pembangunan keusahawanan dan kedudukan ekonomi ummah, beliau telah menerima Anugerah Penghargaan Maal Hijrah yang disampaikan oleh SPB Yang Dipertuan Agong Malaysia pada tahun 1428H / 2007M. Beliau juga telah tersenarai dua tahun berturut-turut sebagai salah seorang daripada 500 Muslim yang paling berpengaruh di dunia, oleh The Royal Islamic Strategic Studies Centre, Amman, Jordan di dalam terbitan berjudul "The Muslim 500 – The World's 500 Most Influential Muslims 2016 dan 2017".